

komputer multimedia dan internet memberikan alternatif lain dalam membantu para pelajar. Selain itu, laman-laman web yang berkaitan juga boleh diperolehi di internet. Sebagai contoh, laman web yang dikenali sebagai SMART-Net di alamat <http://www.fpend.ukm.my/SmartNet>, di mana guru dan sesiapa sahaja yang berminat untuk mempelajari Bahasa Inggeris boleh mencungkil rahsia belajar bahasa tersebut secara efektif dan inovatif secara percuma (Utusan Malaysia, 1998).

Walau bagaimanapun, pada hakikatnya terdapat terlalu sedikit bilangan sekolah yang memiliki kemudahan komputer multimedia dan internet serta dapat memanfaatkan kemudahan-kemudahan tersebut dalam proses pengajaran-pembelajaran. Peruntukan kerajaan didapati tidak mencukupi untuk melengkapkan sekolah-sekolah dengan perisian dan komputer yang relevan, kalau mengambil kira statistik bilangan sekolah rendah dan menengah sebanyak 10,000 menjelang tahun 2010 (Utusan Malaysia, 6 Julai, 1998).

Berdasarkan hakikat ini, sekolah-sekolah yang tidak mempunyai kemudahan komputer multimedia dan internet terpaksa meneruskan usaha meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris para pelajar melalui inovasi pendidikan yang

sedia ada seperti buku-buku kerja dan modul pengajaran sendiri. Namun, tidak banyak modul pengajaran pembelajaran yang dihasilkan pada peringkat sekolah kerana kurangnya inisiatif mendedahkan para guru kepada proses penghasilan dan penilaiannya. Menurut Gagné dan Briggs(1974), pembelajaran haruslah dirancang supaya setiap orang dapat menghampiri matlamat penggunaan optimum bakatnya, keseronokan dalam kehidupan dan integrasi persekitaran fizikal dan sosialnya. Para guru pasti tidak akan menghadapi sebarang masalah dalam menghasilkan modul pengajaran seandainya mereka terdedah dengan proses penghasilan modul berasaskan mana-mana model rekabentuk pengajaran yang sedia ada. Hasil kajian kes ini diharap dapat membantu dalam memberikan rujukan dan pendedahan yang diperlukan oleh para guru untuk menghasilkan modul pengajaran pembelajaran.

**Latarbelakang: Klinik Pemulihan Bahasa Inggeris Pelajar
Tingkatan Lima Sekolah Menengah Teknik,
Kuala Klawang, Jelebu, Negeri Sembilan.**

Seringkali kurikulum yang dirancang kurang mengambilkira keupayaan yang berbeza-beza di kalangan

para pelajar. Pengajaran guru bergantung kepada sukatan pelajaran yang harus dihabiskan. Guru lebih gemar merancang dan menyediakan pelajarannya untuk menghadapi peperiksaan sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Kementerian Pendidikan Malaysia. Pihak pentadbiran juga secara tidak langsung terikat dengan pelbagai peraturan yang telah ditetapkan oleh Kementerian. Kesemua gejala ini menyebabkan aspek kemampuan pelajar seolah-olah sengaja diabaikan dan wujudlah jurang perbezaan di antara mereka. Akibatnya sebilangan murid-murid yang tidak dapat mengikuti pengajaran guru tertinggal dalam pelajaran dan seterusnya mengalami kegagalan (Mat Noor Hussin dan Jais Sahok, 1990).

Menurut Ee Ah Meng (1991b), bagi murid-murid yang lambat dan tidak dapat menguasai kemahiran dalam tempoh yang ditetapkan, pendidikan pemulihan hendaklah disediakan. Jika didapati murid-murid lambat itu masih gagal dalam aktiviti pemulihan yang dijalankan itu, maka mereka akan dihantar ke kelas pemulihan yang dikendalikan oleh guru pemulihan khas.

Bagi panitia Bahasa Inggeris Sekolah Menengah Teknik Kuala Klawang (SMTKK), Jelevu, Negeri Sembilan, pemulihan

bagi subjek Bahasa Inggeris adalah satu penyelesaian yang harus dilaksanakan segera memandangkan keputusan kertas Bahasa Inggeris 1322/1119 peperiksaan SPM(V) 1997 yang menunjukkan seramai 40 orang dari 204 orang calon telah gagal dalam subjek bahasa Inggeris sementara keputusan tahun 1998 yang lalu pula menunjukkan seramai 25 orang dari 297 orang calon telah gagal dalam subjek tersebut. Jadual 1 menunjukkan pencapaian kertas Bahasa Inggeris 1322/1119 calon SPM(V) Sek.Men.Teknik Kuala Klawang bagi tahun 1997 dan 1998.

Jadual 1: Pencapaian Kertas Bahasa Inggeris 1322/1119
Peperiksaan SPM(V) 1997 dan 1998, SMTKK

Tahun	Jumlah Pelajar	GRED									% LULUS
		1	2	3	4	5	6	7	8	9	
1997	202	0	0	2	5	7	5	122	21	40	80.2
1998	297	0	5	19	20	46	48	133	1	25	91.6

Walaupun subjek Bahasa Inggeris bukan merupakan subjek wajib lulus bagi calon peperiksaan SPM(V) namun kegagalan dalam subjek tersebut memberikan kesan yang besar terhadap peningkatan sosial individu terlibat, masyarakat dan negara. Para pelajar yang gagal Bahasa

Inggeris di peringkat SPM(V) akan gagal melayakkan diri ke institusi-institusi pengajian tinggi (IPT) dan kolej-kolej awam dan swasta yang meletakkan syarat lulus Bahasa Inggeris SPM(V) sebagai syarat kemasukan. Contohnya, Pusat Bahasa Istitut Teknologi MARA (ITM) terpaksa mengendalikan program Bahasa Inggeris summer course kepada para pelajar yang gagal ke institusi itu kerana tidak lulus Bahasa Inggeris peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (Utusan Malaysia, 20 Febuari, 1998). Ini bermakna para pelajar terbabit akan kerugian masa pengajian kerana terpaksa mengikuti kursus pemulihan bagi melayakkan mereka masuk ke intitusi pengajian tinggi.

Keadaan penguasaan Bahasa Inggeris para pelajar yang lemah mendorong Kementerian Pendidikan Malaysia mengambil beberapa langkah untuk meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar luar bandar. Antara langkah-langkah yang akan diambil ialah: menempatkan lebih ramai guru Bahasa Inggeris ditempatkan di luar bandar; pengambilan guru bersara untuk mengadakan program anak angkat antara sekolah luar dengan institusi pengajian tinggi; dan mewujudkan pusat-pusat pembelajaran sendiri (Yuswandi Majid, 2 April, 1998).

Sementara itu, para pelajar yang ingin memohon pekerjaan pula akan gagal mendapatkan pekerjaan yang meletakkan syarat lulus bahasa tersebut sebagai syarat permohonan pekerjaan. Kegagalan-kegagalan tersebut akan membantutkan usaha meningkatkan diri individu-individu yang terlibat dan seterusnya memberikan kesan terhadap masyarakat dan negara.

Terdahulu dari itu, pada bulan Januari 1997, panitia Bahasa Inggeris telah memutuskan untuk mengadakan klinik pemulihan Bahasa Inggeris bagi para pelajar tingkatan lima sekolah tersebut. Dalam cadangan, klinik tersebut akan melibatkan para pelajar tingkatan lima yang lemah dalam Bahasa Inggeris berdasarkan pemerhatian guru, ujian bulanan dan peperiksaan semester pertama tingkatan empat. Dicadangkan juga para pelajar tersebut mengikuti klinik sewaktu kelas dijalankan tetapi di lokasi yang berlainan dan diseliakan oleh guru Bahasa Inggeris yang tidak mengajar pada waktu tersebut. Cadangan ini dibuat memandangkan waktu persekolahan yang panjang (7.40 pagi hingga 2.15 petang) dan guru-guru Bahasa Inggeris juga terlibat dalam kelas tambahan para pelajar tingkatan lima di luar waktu persekolahan. Klinik ini bertujuan membantu para pelajar menguasai item-item tatabahasa yang telah

dikenalpasti. Namun klinik ini tidak dapat dijalankan pada tahun 1997 atas sebab-sebab seperti berikut:-

1. Kekurangan guru untuk menyeliakan klinik kerana jadual waktu guru yang saling bertindih. Ini disebabkan oleh jadual waktu tingkatan empat dan tingkatan lima yang berbeza.
2. Kekurangan bahan dan perancangan strategik pengajaran untuk klinik pemulihan tersebut.

Pada bulan Jun, 1998, pengkaji telah berpeluang berbincang dengan Ketua Bidang Bahasa dan Ketua Panitia Bahasa Inggeris SMTKK iaitu Puan Damaya Dewi dan Cik Alice Gomez berhubung dengan klinik pemulihan tersebut. Persetujuan telah dicapai untuk merealisasikan pelaksanaan klinik tersebut. Temu ramah dan perbincangan selanjutnya dengan guru-guru Bahasa Inggeris mendapati bahawa kaedah yang paling bersesuaian dalam menangani masalah kekurangan guru ialah dengan menghasilkan modul pengajaran sendiri bagi item-item tatabahasa yang terpilih. Satu ujian diagnostik telah dijalankan dan item-item tatabahasa yang dikenalpasti sebagai masalah utama yang melemahkan penguasaan Bahasa Inggeris para pelajar terbabit ialah:-

1. *subject-verb agreement*

2. *tenses*.

Tahap penguasaan para pelajar dalam kedua-dua item ternyata sangat rendah. Mereka memerlukan bimbingan dalam menguasai item-item tatabahasa tersebut. Namun adalah sukar bagi para guru menumpukan perhatian yang tinggi kepada mereka di dalam kelas kerana setiap kelas secara purata terdiri daripada 40-45 orang pelajar. Kelemahan mereka itu juga menghalang mereka dalam membentuk ayat-ayat yang menyukarkan mereka membuat karangan.

Terdapat banyak buku-buku rujukan dan buku-buku kerja di pasaran yang bertujuan membantu para pelajar mengatasi masalah yang dihadapi dalam menangani masalah penguasaan Bahasa Inggeris yang amat lemah. Namun, buku-buku ini tidak dapat digunakan dengan sepenuhnya oleh guru-guru kerana kebanyakan buku-buku tersebut ditulis untuk menangani masalah yang dihadapi oleh kebanyakan pelajar dan bukan untuk golongan pelajar dengan tahap penguasaan Bahasa Inggeris yang tertentu.

Berdasarkan fakta-fakta di atas, kehadiran bahan pengajaran sendiri yang terancang diharap dapat membantu mengatasi masalah yang dihadapi oleh para pelajar tersebut. Bahan pengajaran sendiri yang terancang dapat membantu pelajar menguasai item-item tatabahasa secara

sistematik. Selain itu, ia dapat memberikan keseronokan dan keyakinan kepada pelajar dalam menggunakannya bagi meningkatkan penguasaan mereka. Ini adalah penting kerana bahan tersebut akan menggantikan kehadiran seorang guru bagi membimbing para pelajar tersebut. Ini dapat dilakukan kerana proses penghasilan modul pengajaran yang mengikut prinsip-prinsip reka bentuk pengajaran akan melibatkan proses analisis di mana pencapaian sedia ada pelajar diambil kira.

Para pelajar yang telah dikenalpasti terlibat dengan klinik akan menghadiri klinik pada waktu berkembar (*double period*) Bahasa Inggeris yang di adakan di perpustakaan dengan penyeliaan minima oleh guru Bahasa Inggeris yang tidak mengajar pada waktu tersebut. Guru terbabit hanya bertindak sebagai penyelia tempat dan para pelajar bergantung sepenuhnya kepada modul pengajaran sendiri yang disediakan. Para pelajar akan menggunakan modul mengikut tahap keupayaan mereka. Setiap pelajar yang terlibat perlu menamatkan kedua-dua modul.

Pernyataan Masalah

Kajian ini berhubung penghasilan dan penilaian modul pengajaran sendiri (MPK) bagi penguasaan item-item tatabahasa terpilih bagi klinik Bahasa Inggeris pelajar-pelajar tingkatan lima Sekolah Menengah Teknik Kuala Klawang, Jelebu, Negeri sembilan. Pengkaji merupakan penasihat merangkap perekabentuk pengajaran dalam penghasilan modul ini.

Menurut Shaw(1996), pengajaran sendiri boleh diadakan dalam banyak bentuk. Pelbagai model boleh dikembangkan untuk memenuhi keperluan setiap individu. Malangnya, bukan semua bentuk pengajaran sendiri sesuai untuk semua orang. Bahan pengajaran sendiri yang baik menunjukkan pemikiran kreatif, arahan sendiri, identiti diri dan pemikiran kritikal. Sekiranya seorang pelajar lulus praujian bagi kandungan yang terdapat dalam unit yang akan dipelajari, dia boleh terus ke peringkat yang seterusnya, dengan itu meningkatkan penguasaan dalam pembelajaran. Pelajar akan terlibat dalam membuat pilihan. Pelajar juga boleh membuat sorotan bacaan bahan sewaktu proses belajar. Pengajaran sendiri membenarkan pelajar belajar dengan cara yang merupakan kaedah terbaik bagi pelajar tersebut. Guru memilih kaedah terbaik untuk

topik tertentu dan untuk pelajar yang mahu menggunakan unit tersebut. Pilihan ini akan membenarkan pelajar maju dengan kadar yang berbeza dan bekerja pada tahap berlainan.

Shaw juga menyatakan bahawa program pengajaran sendiri mesti menyesuaikan objektif untuk memenuhi keperluan semua yang ingin belajar. Untuk berbuat demikian, pembelajaran bukan sahaja *self-pacing*, ia juga harus mempunyai urutan pengajaran yang menyeluruh dan memasukkan teknik penilaian yang bersesuaian.

Dalam membentuk modul, urutan mengikut dalam struktur perlu dipatuhi. Pembentukannya disesuaikan untuk memenuhi keperluan pelajar dan mencapai objektif pengajaran supaya memberikan pendedahan konsep dan memberikan latihan yang mencukupi (Mat Nor Hussin dan Jais Sahok, 1990). Masalahnya, apakah para guru sedia maklum tentang proses-proses yang terlibat dalam penghasilan dan penilaian sesebuah modul bagi memenuhi keperluan para pelajar? Apakah para guru dapat menilai kejayaan modul yang dihasilkan dari perspektif rekabentuk pengajaran? Apakah pendedahan kepada proses penghasilan modul mengubah persepsi para guru terhadap proses penghasilan tersebut. Apakah modul tersebut dapat

meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris para pelajar yang terbabit?

Tujuan Kajian

Kajian kes ini bertujuan untuk:

1. Menghasilkan sebuah modul pengajaran sendiri (MPK) bagi penguasaan item-item tatabahasa terpilih bagi klinik pemulihan Bahasa Inggeris pelajar-pelajar tingkatan lima Sekolah Menengah Teknik Kuala Klawang dan mendokumentasikan proses-proses yang terlibat dalam penghasilan MPK tersebut.
2. Melakukan penilaian formatif ke atas modul-modul yang dihasilkan untuk mendapatkan maklum balas dari pelajar dan guru tentang modul yang telah dihasilkan.
3. Meninjau persepsi guru terhadap proses penghasilan modul pengajaran sendiri berdasarkan model reka bentuk pengajaran yang digunakan sebelum dan selepas pendedahan terhadap proses penghasilan tersebut. Apakah para guru memahami proses penghasilan

tersebut dan berhasrat menggunakan pendekatan yang sama pada masa hadapan.

4. Melakukan penilaian formatif ke atas modul yang dihasilkan untuk mengetahui kesesuaiannya dalam meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris para pelajar yang terlibat dengan klinik pemulihan tersebut berbanding sebelumnya.
5. Melihat reaksi/tindak balas pelajar terhadap modul-modul terlibat sewaktu klinik dijalankan. Apakah tindak balas pelajar menunjukkan keselesaan, keyakinan dan keseronokan menggunakan modul-modul tersebut?

Persoalan Kajian

Kajian kes ini diharap dapat menjawab beberapa persoalan kajian seperti berikut:

1. Apakah kronologi proses penghasilan dan penilaian modul pengajaran sendiri bagi penguasaan item-item tatabahasa terpilih bagi klinik pemulihan Bahasa Inggeris pelajar-pelajar tingkatan lima Sekolah Menengah Teknik Kuala Klawang?

2. Apakah penilaian guru dan pelajar ke atas modul-modul yang dihasilkan?
3. Apakah persepsi para guru terhadap proses penghasilan modul pengajaran sendiri selepas didedahkan dengan proses tersebut? Apakah para guru terlibat akan menggunakan pendekatan yang sama di masa hadapan?
4. Apakah modul-modul tersebut berjaya meningkatkan tahap penguasaan Bahasa Inggeris bagi item-item tatabahasa terpilih bagi para pelajar yang terlibat dengan klinik pemulihan Bahasa Inggeris berbanding sebelum penggunaan modul-modul?
5. Apakah reaksi pelajar sewaktu klinik menunjukkan keselesaan, keyakinan dan keseronokan menggunakan modul-modul berkenaan?

Kepentingan Kajian

Kementerian Pendidikan Malaysia dalam usaha meningkatkan tahap Bahasa Inggeris para pelajar di Malaysia. Salah satu matlamat Kementerian ialah menyediakan para pelajar bagi peperiksaan Bahasa Inggeris

SPM(V) bertaraf peperiksaan Bahasa Inggeris 1119 Cambridge. Walau bagaimanapun, bagi para pelajar yang terlalu lemah dalam Bahasa Inggeris, pemulihan dalam bidang tatabahasa perlu dilakukan terlebih dahulu. Namun, bagi sekolah-sekolah yang mempunyai masalah kekangan waktu dan guru, pemulihan di luar waktu persekolahan adalah sukar dijalankan. Bilangan pelajar yang terlalu ramai dalam bilik darjah pula menghalang penumpuan guru terhadap para pelajar yang lemah.

Penghasilan modul pengajaran sendiri yang dicadangkan merupakan satu alternatif bagi sekolah-sekolah yang mengalami masalah yang tersebut di atas. Modul sebegini akan membolehkan pemulihan dijalankan pada waktu persekolahan tanpa membebankan para guru. Hasil kajian ini diharapkan dapat menjadi bahan rujuk para guru dalam menghasilkan dan menilai modul pengajaran sendiri mereka sendiri.

Hasil kajian ini boleh digunakan oleh para guru yang tidak mempunyai pengalaman menghasilkan modul pengajaran sendiri dan guru-guru yang tidak terdedah kepada model pengembangan pengajaran.

Kerangka Teori Bagi Penghasilan Modul Untuk

Klinik Pemulihan Bahasa Inggeris

Menangani masalah Bahasa Inggeris di kalangan para pelajar yang bakal menduduki peperiksaan SPM(V) merupakan cabaran bagi para guru yang terlibat. Ini kerana kebanyakan para pelajar memang sangat ketinggalan dalam penguasaan bahasa tersebut. Bila persoalan ini muncul, perkara utama yang diperkatakan ialah kelemahan pelajar dalam menguasai item-item tatabahasa. Ini kerana peraturan penggunaan item-item tatabahasa tersebut berbeza dari yang terdapat dalam bahasa ibunda para pelajar.

Menurut Rivers (1968), penulisan tatabahasa merupakan satu usaha untuk pengsysteman dan pengkodan data secara massa. Cara pendekatan pengsysteman ini bergantung kepada kepercayaan ahli tatabahasa mengenai sifat bahasa. Antara pendekatan tatabahasa yang terkenal ialah pendekatan tradisi, struktur tatabahasa dan tatabahasa transformasi-generatif.

Rivers dan Temperley (1978), menyatakan bahawa pelajar bukan sahaja perlu memahami konsep-konsep tatabahasa yang mereka temui tetapi harus menghargai

hubung kait antara konsep-konsep tersebut dalam sistem Bahasa Inggeris. Keperluan para pelajar ke arah memahami konsep-konsep ini menghasilkan panduan memilih pelbagai cara untuk menyampaikan atau mengajar tatabahasa. Berikut adalah tiga cara mengajar tatabahasa seperti yang dinyatakan oleh Rivers dan Temperley.

Pertama, kaedah deduktif di mana para pelajar diberikan satu konsep tatabahasa dan contoh-contoh yang sesuai. Pelajaran ini kemudian digabungkan ke dalam aktiviti bacaan atau lisan. Pertaliannya dengan aspek lain tatabahasa diperhatikan supaya pelajar memikirkannya sebagai salah satu dari sistem yang saling berkaitan.

Kedua, kaedah induktif di mana pelajar menemui konsep tatabahasa dan meminta guru memberikan penjelasan tentang konsep tersebut. Ini memberi peluang kepada guru untuk memberikan contoh-contoh yang lain.

Ketiga, pendekatan deduktif sebagai respons terhadap keperluan. Ini merupakan gabungan cara pertama dan kedua.

Fries dalam tahun 1945 mengatakan bahawa dalam memperkatakan persembahan struktur tatabahasa, akan ditemui frasa-frasa seperti peningkatan secara sistematik iaitu mula-mula disenaraikan struktur-struktur bahasa dan kemudian dibentangkan satu persatu kepada pelajar bahasa

tersebut dengan menggunakan kriteria-kriteria seperti 'yang mudah sebelum yang kompleks', 'yang paling kerap sebelum yang kurang kerap' dan sebagainya (Harrison, 1973).

Pendapat Fries ini memberikan implikasi bahawa pengajaran struktur tatabahasa harus mengikut urutan yang bersesuaian. Sebagai contoh, mengajar pelajar tentang *tenses*, pelajar harus diperkenalkan kepada *simple present tense* sebelum didedahkan kepada *present continuous* atau *present perfect*. Ini ternyata seiring dengan pendapat Rivers dan Temperley iaitu di mana konsep-konsep tatabahasa itu harus dilihat sebagai satu unsur dalam sistem Bahasa Inggeris.

Satu lagi perkara yang perlu diambil kira dalam pengajaran tatabahasa ialah usaha membetulkan kesilapan yang dilakukan oleh para pelajar. Sekiranya kesilapan yang dilakukan oleh pelajar tidak dibetulkan dengan segera, pelajar tersebut akan terus melakukan kesilapan yang sama berulang-ulang kali. Menurut Bright dan McGregor (1976, ms.241), dalam pengajaran tatabahasa, usaha untuk membetulkan kesilapan memerlukan pengetahuan dalam tatabahasa. Menurut mereka lagi, masalah pelajar bukan sahaja melaksanakan tabiat baru yang betul tetapi

juga memecahkan tabiat yang salah dan menggantikannya dengan yang betul. Dipercayai bahawa perbandingan di antara item-item yang mengelirukan dan penjelasan selalunya merupakan titik permulaan yang dapat membantu dan meningkatkan kemahuan pelajar melakukan latihan tambahan yang diperlukan untuk melakukan tabiat yang betul.

Pendapat Bright dan McGregor menunjukkan betapa pentingnya pembetulan kesilapan dilakukan. Namun, dalam situasi pembelajaran di Malaysia di mana setiap kelas mengandungi terlalu ramai pelajar dan kebanyakannya memerlukan perhatian akibat tahap penguasaan tatabahasa yang sangat rendah ia agak sukar dilaksanakan. Bright dan McGregor (1978), turut mencadangkan penggunaan kad yang dilengkapi penjelasan dan latihan bagi membantu para pelajar membetulkan kesilapan yang dilakukan.

Satu kaedah yang dapat menangani masalah pengajaran tatabahasa ialah penggunaan modul pengajaran sendiri. Sifat-sifat modul pengajaran sendiri membolehkan pengajaran tatabahasa dilakukan mengikut cara-cara yang dicadangkan oleh pakar-pakar seperti Rivers dan Temperley. Ia juga membolehkan contoh-contoh, latihan dan

pembetulan kesilapan dilakukan dengan segera bagi setiap pelajar yang terlibat secara individu.

Dalam menghasilkan modul pengajaran sendiri untuk klinik pemulihan Bahasa Inggeris ini, perspektif teori yang digunakan ialah berbentuk behaviorism. Idea-idea utama behaviorism adalah: perlakuan manusia merupakan hasil dari interaksi rangsangan-respons dan perlakuan tersebut boleh diubahsuai. Skinner, ahli psikologi behaviorism terkenal telah mengembangkan konsep '*operant conditioning*'. Teknik yang digunakan ialah ganjaran berulang kali yang diberikan untuk perlakuan yang menghampiri dengan apa yang dikehendaki. Skinner menerangkan proses ini sebagai pembentukan perlakuan. Sebagai contoh, apabila kita dahaga, kita membuka pili mengikut arah jam. Jika air keluar, kita telah mendapat ganjaran dan akan melakukannya lagi diwaktu lain. Jika sebaliknya yang terjadi, kita akan cuba membuka pili dengan arah lawan jam pula (Black, 1995).

Black (1995) juga mengatakan bahawa program ubahsuai kelakuan boleh dilaksanakan dengan mengikut 5 langkah berikut:

1. menetapkan matlamat perlakuan,
2. menentukan pengukuhan yang bersesuaian,

3. memilih prosedur untuk mengubah perlakuan,
4. melaksanakan prosedur dan merekodkan keputusan,
5. menilai progres dan membuat semakan seperti yang diperlukan.

Aplikasi '*operant conditioning*' yang paling penting dalam bidang pengajaran ialah pengajaran terancang.

Menurut Black (1994, ms.4):

Dalam teknik ini, pelajaran dipecahkan kepada langkah-langkah atau bingkai-bingkai yang lebih kecil dan boleh difahami, setiap satu diikuti oleh soalan yang lebih kerap dijawab dengan betul oleh pelajar. Tujuannya ialah untuk mengukuhkan proses pembelajaran melalui respons segera dan ganjaran hasil dari jawapan yang betul.

Peristilahan

Berikut adalah istilah-istilah yang digunakan dan perlu difahami dalam menangani kajian ini. Istilah-istilah yang digunakan dipetik dari Glossari Teknologi Pendidikan (1995).

Analisis Pengajaran

Tindakan menganalisis langkah pengajaran mengikut tertib dan urutan.

Bahan Pengajaran

Bahan yang boleh digunakan untuk meningkatkan tahap pengajaran.

Hiraki Pembelajaran/Tatatingkat Belajar

Pengurusan isi pembelajaran atau objektif pengajaran secara berperingkat-peringkat yang menunjukkan sesuatu aspek baru dibina atau dikembangkan berasaskan aspek sebelumnya.

Kajian Rintis

Kajian ke atas sesuatu prototaip secara mencuba uji kumpulan kecil untuk menilai keberkesanannya.

Kelakuan Masuk

Kelakuan, pengalaman, kemahiran, dan sikap pelatih apabila menyertai kursus atau program.

Matlamat Pengajaran

Kenyataan tentang hasrat jangka panjang yang hendak dicapai melalui sesuatu pengajaran.

Objektif Kelakuan

Objektif pengajaran yang dinyatakan dalam bentuk perubahan kelakuan.

Objektif Pembelajaran

Kenyataan yang tepat dan jelas tentang pengetahuan atau kemahiran yang akan diperolehi oleh pelajar melalui pembelajaran dalam jangkamasa tertentu.

Pakar Bidang/Pakar Mata Pelajaran

Seseorang yang mempunyai kepakaran dalam sesuatu mata pelajaran.

Pengembangan Pengajaran

Proses mengembang/membangun/memantapkan sumber pengajaran bagi menghasilkan pembelajaran yang berkesan.

Penilaian Formatif

Penilaian yang dilakukan semasa kerja pembinaan atau pembangunan projek atau program bagi memastikannya mengikut haluan yang ditetapkan.

Penilaian Sumatif

Penilaian yang dijalankan pada akhir kursus, projek atau aktiviti bagi mengenalpasti keberkesanannya.

Pembelajaran Penguasaan

Pembelajaran yang bertatatingkat dan pengalaman seseorang dalam tempoh yang mencukupi, yang dapat mencapai penguasaan kemahiran sekiranya disesuaikan dengan pengajaran.

Pengajaran Individu

Pengajaran yang memberi tumpuan sepenuhnya kepada keperluan seseorang pelajar.

Pengajaran Pemulihan

Pengajaran yang diadakan untuk mengatasi kelemahan pelajar.

Pascaujian

Ujian yang diambil selepas menyelesaikan pelajaran untuk mengukur penguasaan isi pelajaran tersebut.

Praujian

Ujian yang diberi sebelum memulakan pengajaran untuk menentukan tahap pengetahuan asas pelajar.

Reka Bentuk Pengajaran

Proses menggubal dan merancang pengajaran secara bersistem dengan meneliti matlamat, kaedah, aktiviti dan hasil pembelajaran yang diharapkan.

Strategi Pengajaran

Rancangan mengajar yang diatur berasaskan penyelidikan pengaruh otak terhadap gaya belajar, pemikiran, pengurusan, dan pergerakan, misalnya sistem 4-MAT.

Sumbang Saran

Penglibatan setiap anggota kumpulan dalam berfikir secara terbuka dan mencadangkan penyelesaian yang mungkin terhadap sesuatu masalah.

Batasan Kajian

Kajian ini melibatkan sampel yang terdiri daripada guru-guru dan para pelajar tingkatan lima yang terlibat dalam klinik pemulihan Bahasa Inggeris Sekolah Menengah Teknik Kuala Klawang. Modul-modul pengajaran sendiri (MPK) yang dihasilkan hanya untuk kegunaan para pelajar klinik pemulihan Bahasa Inggeris SMTKK sahaja kerana penghasilannya berdasarkan analisis-analisis yang dijalankan ke atas sampel yang terlibat sahaja.

Kajian ini merupakan proses penghasilan dan penilaian modul pengajaran sendiri (MPK) berpandukan model reka bentuk pengajaran Dick dan Carey (1985). Penilaian yang dilakukan adalah penilaian formatif dan kajian tidak melibatkan perbandingan antara keberkesanan penggunaan modul pengajaran sendiri dan kaedah pengajaran biasa dalam mengatasi masalah pelajar klinik pemulihan

Bahasa Inggeris SMTKK. Oleh itu keberkesanan modul-modul pengajaran sendiri yang dihasilkan (samaada berkesan atau tidak) hanya merujuk kepada pencapaian sampel selepas penggunaan modul-modul sewaktu klinik pemulihan.

Sewaktu kajian, pengkaji telah berusaha untuk mendapatkan pendapat dan persepsi yang jujur dari kesemua responden yang terlibat dengan penilaian status kesesuaian MPK dan temubual berstruktur. Namun tidak diketahui dengan pasti samaada jawapan yang diberikan oleh kesemua guru-guru dan 30 orang pelajar yang terlibat dengan kajian adalah jawapan yang jujur dan tidak *bias*.